

19 JUL 1999

SALEH-EKONOMI

SALEH YAKIN EKONOMI NEGARA MENUJU PEMULIHAN

GURUN, 19 Julai (Bernama) -- Pengerusi DRB-Hicom Tan Sri Mohd Saleh Sulong yakin bahawa ekonomi negara sudah menunjukkan tanda-tanda menuju ke arah pemulihan berdasarkan kepada peningkatan penjualan kenderaan bermotor di negara ini.

"Kumpulan DRB-Hicom yakin dengan ramalan kerajaan bahawa ekonomi negara tahun ini akan menempa pertumbuhan positif sekurang-kurangnya satu peratus," katanya di dalam ucapan pada majlis pelancaran motosikal nasional kedua negara, Modenas Jaguh di kilang Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas) di sini hari ini.

Motosikal empat lejang dengan kuasa enjin 175cc dan berharga RM7,500 sebuah itu dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Modenas menawarkan harga promosi RM6,998 sebuah untuk 1,000 pembeli yang pertama.

Mohd Saleh berkata perangkaan daripada segi penjualan berbagai model dan jenis kenderaan yang dikendalikan oleh syarikat kumpulannya, menunjukkan ekonomi negara telah beransur pulih.

Beliau berkata permintaan untuk motosikal Kriss keluaran Modenas pada bulan lalu dan bulan ini sudah berjumlah 7,000 unit sebulan dan bilangan permintaan ini adalah kira-kira 30 peratus lebih tinggi berbanding dengan permintaan bulanan penghujung tahun lalu.

"Penjualan kereta Proton telah mencapai 58,400 unit dalam lima bulan pertama tahun ini, iaitu dua kali ganda berbanding dengan 25,000 unit dalam tempoh yang sama tahun lalu," katanya.

Beliau berkata ini diikuti dengan penjualan trak nasional, Hicom Perkasa, bagi lima bulan pertama tahun ini berjumlah 1,000 unit, yang hampir sama dengan penjualan dua belas bulan sepanjang tahun lalu.

Di samping itu, Mohd Saleh berkata jumlah jualan yang ketara lebih baik juga dicatatkan bagi jenama Isuzu, Mitsubishi dan Citroen yang diedarkan kumpulan itu bagi separuh tahun pertama tahun ini berbanding tahun lalu.

Beliau berkata peningkatan positif juga dicapai dalam penjualan hartanah bagi syarikat-syarikat di bawah kumpulannya yang berkecimpung dalam bidang ini.

Mengenai Modenas Jaguh, Mohd Saleh berkata 60 peratus daripada komponennya adalah bahan tempatan. -- BERNAMA

MAN OS